

Jumlah suspek ditahan meningkat

Putrajaya: Jumlah suspek yang ditahan berkaitan tuntutan palsu dan penyelewengan dana Program Insentif Pengambilan Pekerja (PenjanaKerjaya) meningkat kepada 40 orang, termasuk tiga tangkapan baharu dibuat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yang dikenakan tahanan reman, semalam.

Tiga individu yang baharu ditahan itu terdiri daripada seorang ketua kerani jabatan kerajaan dan dua pekerja syarikat swasta, ditahan bagi membantu siasatan lanjut dalam isu penyelewengan dana PenjanaKerjaya membabitkan nilai keseluruhan kira-kira RM100 juta.

Permohonan reman tiga individu itu masing-masing berusia 26 hingga 41 tahun itu dibuat di Mahkamah Majistret Johor Bahru dan Georgetown pagi semalam.

Ketua kerani berusia 41 tahun ditahan oleh SPRM Johor kira-kira jam 7.45 malam kelmarin, ketika hadir memberi keterangan kes berkenaan.

“Suspek dipercayai menerima wang berjumlah RM5,000 daripada seorang pemilik syarikat sebagai balasan membantu dalam urusan tuntutan bagi Program Insentif Pengambilan Pekerja. Suspek kini disiasat mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009,” kata sumber.

Majistret Johor Bahru, Melody Woon Sze Mun, membenarkan

permohonan reman selama tiga hari terhadap kakitangan kerajaan itu bermula semalam sehingga esok.

Kelmarin, SPRM dilaporkan menahan 37 individu berusia 28 hingga 70 tahun yang terbabit dengan isu tuntutan palsu dan penyelewengan dana PenjanaKerjaya.

Semua individu itu ditahan di beberapa negeri termasuk Putrajaya, Selangor, Johor, Kedah, Pahang, Perak, Pulau Pinang, Melaka, Perlis, Kuala Lumpur dan Negeri Sembilan.

Untuk rekod, Program PenjanaKerjaya adalah antara inisiatif kerajaan menerusi PERKESO bagi membantu majikan dan pekerja ketika mendepani cabaran COVID-19 sejak awal 2020.

Program itu bertujuan merangsang ekonomi negara melalui pewujudan pekerjaan baharu, mengekalkan pekerjaan dan meningkatkan kemahiran pekerja.

Dua lagi direman

Sementara itu, dua lagi suspek yang ditahan reman semalam, masing-masing berusia 26 dan 40 tahun ditahan SPRM Pulau Pinang pada jam 6.50 malam dan 7.25 malam kelmarin.

“Mereka disyaki mengemukakan dokumen tuntutan yang mengandungi butiran palsu secara dalam talian kepada PERKESO bagi menuntut bayaran insentif pengambilan pekerja dan latihan



Sebahagian individu yang ditahan SPRM bagi membantu siasatan berhubung isu tuntutan palsu dan penyelewengan dana PenjanaKerjaya di Putrajaya, semalam. (Foto SPRM)

daripada pertubuhan itu di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA).

“Kedua-duanya disiasat mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009 dan Majistret Pulau Pinang, Rosnee Mohd Radzuan membenarkan permohonan reman selama enam hari bermula hari ini se-

hingga 20 Julai,” katanya.

Sementara itu, Pengarah Kanan Siasatan SPRM, Datuk Seri Hishamuddin Hashim, ketika mengesahkan penahanan terbaru itu, tidak menolak kemungkinan beberapa tangkapan lagi akan dibuat dalam tempoh terdekat.